

Memudahkan urusan pelanggan dan kerajaan

u.m m/s 3 07/9/07

CETUSAN idea Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam menubuhkan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (Pemudah) lapan bulan lalu telah membawa perubahan positif bagi urusan di jabatan dan agensi kerajaan.

Masalah birokrasi merupakan salah satu faktor mengapa sesuatu urusan itu lewat diselesaikan sehingga ia menjadi perkara utama yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan.

Sejak ditubuhkan pada Februari lalu, beberapa jabatan dan agensi kerajaan telah melaksanakan beberapa perkara baru dalam usaha penambahbaikan penyampaian perkhidmatan tempat masing-masing.

Segelintir orang ramai mungkin tertanya-tanya apakah fungsi dan peranan yang dilakukan oleh pasukan itu.

Pemudah merupakan usaha kerajaan bagi meningkatkan keupayaan sistem penyampaian perkhidmatan awam untuk memudah cara urusan menjalankan perniagaan.

Usaha tersebut adalah bertujuan meningkatkan daya saing negara sebagai salah satu destinasi pelaburan yang strategik, efisien dan menguntungkan kepada pelabur dalam serta luar negara.

Pasukan Pemudah yang terdiri daripada 23 orang ahli dari kalangan pegawai kanan sektor awam dan swasta akan melaporkan terus kepada Perdana Menteri.

Visi Pemudah adalah untuk perkhidmatan awam mencapai tanda aras antarabangsa yang berteraskan pelanggan, berinovasi dan proaktif di dalam menyokong ekonomi yang berdaya saing.

Visi iu diperkukuhkan dengan nilai-nilai kesedaran untuk lebih pantas dan kerjasama yang proaktif di antara sektor awam serta swasta.

Penubuhan pasukan itu juga bertujuan memberi sokongan dan bukan halangan selain syarat serta peraturan yang berpatutan di samping tidak menerima rasuah dari pelbagai pihak.

Tugas Pemudah adalah mengkaji semula status sistem penyampaian perkhidmatan awam dari segi proses, prosedur, undang-undang dan sumber manusia ke arah memperkenalkan penambahbaikan.

Mempelajari amalan-amalan terbaik sektor swasta untuk diguna pakai oleh sektor awam.

Mengkoordinasi dan menganjurkan program-program di antara agensi perkhidmatan awam ke arah memperkukuhkan daya saing Malaysia.

Memantau pelaksanaan polisi, strategi dan prosedur ke arah meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian sektor awam.

Mengambil tindakan sewajarnya terhadap isu-isu berkaitan sistem penyampaian sektor awam yang dibangkitkan dalam mesyuarat Kabinet.

Orang ramai yang ingin mengetahui lebih lanjut berkenaan Pemudah boleh mengunjungi laman web di www.pemudah.gov.my.

Pengerusi bersama

Ketua Setiausaha Negara
Tan Sri Mohd. Sidek Hassan

Pesiden Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM)
Tan Sri Yong Poh Kon

Ahli-ahli sektor awam

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Tan Sri Ismail Adam

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Datuk Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah

Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU)
Tan Sri Khalid Ramli

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)
Datuk Abdul Rahman Mamat

Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Datuk Normah Md. Yusof

Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE)
Datuk Suboh Md. Yasin

Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
Datuk Ahmad Fuad Ismail

Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia (KSM)
Datuk Thomas George MS George

Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP)
Datuk Ahmad Pheisal Talib

PEMUDAH - Microsoft Internet Explorer provided by Utusan Melayu (M) Berhad


File Edit View Favorites Tools Help

Back Home Search Favorites Stop Refresh Print

Address http://www.pemudah.gov.my/topindex_bm.asp

Web Search Bookmarks Settings Mail My Yahoo! Answers Games Yahoo! Anti-Spy

PEMUDAH Add Tab



PEMUDAH

Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan
The Special Task Force To Facilitate Business

Laman Utama Mengenai Kami Sorotan Penting Berita & Terkini Soalan-Soalan Lazim Hubungi Kami Pautan

[\[English Version\]](#)

Sorotan Penting

Penambahbaikan kepada sistem penyampalan:

- Proses Pendaftaran Perniagaan Oleh Suruhanjaya Svarikat Malaysia (SSM) Dipercepatkan
- Tempoh dan Had Penyimpanan Maksima Gula
- Pembayaran Balik Cukai Terlebih Bayar oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)
- Tempoh Memproses Taksiran Penilaian Hasil Untuk Pemindahan Hakmilik Tanah Dipercepatkan
- Pemrosesan Pas Kerja Pegawai Dagang Dipercepat oleh Jabatan Implesen

Barita & Terkini

Penambahbaikan Sektor Awam Perlu Berterusan

Paparan terbaik dengan Internet Explorer 5 dan ke atas dengan resolusi skrin 1024 x 768

Done Internet

Ketua Pengarah Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (MIDA)
Datuk R. Karunakaran.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Industri
Kecil dan Sederhana (Smidec)
Datuk Hafisah Hashim

Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT)
Datin Arpah Abdul Razak

Ahli-ahli sektor swasta

Bekas Presiden Dewan Perniagaan Amerika Malaysia
Datuk Nicholas S. Zefferys

Presiden Persekutuan Penjawat Malaysia
Datuk Azman Shah Harun

Presiden Dewan Perniagaan dan Industri Antarabangsa
Malaysia
Mike Krishnan

Naib Presiden Dewan Perniagaan dan Industry Kebangsaan
Datuk Pardip Kumar Kukreja

Ahli Majlis, Persekutuan Pengilang Malaysia
Dr. Ir. Andy Seo Kian Haw.

Ketua Pegawai Eksekutif, Symphony Group Berhad
Datuk Azman Yahya

Pengerusi, Ahmad Zaki Resources Bhd.
Datuk Seri Raja Aman Raja Ahmad

Ketua Unit Penilaian Ekonomi Persatuan Dewan Perniagaan
dan Industri Cina Malaysia
Chua Tia Guan

Ketua Pegawai Eksekutif Westports Sdn. Bhd.
Tan Sri G. Gnanalingam

LANAM web Pemudah boleh dilayari di www.pemudah.gov.my

Anda boleh menghubungi ahli-ahli PEMUDAH melalui emel: admin@pemudah.gov.my